

**NO SOALAN : 325**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR  
(POKOK SENA)**

**SOALAN:**

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan jumlah dan nama syarikat pembekal dan kontraktor yang mendapat kontrak projek dengan Kementerian dari tahun 1990 hingga 2016 dan nyatakan jumlah projek, nama syarikat tersebut serta kos setiap satu projek.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Pihak Kementerian sentiasa prihatin dan memandang serius terhadap isu keselamatan negara. Bagi mempastikan keselamatan negara sentiasa terpelihara dan siapsedia dalam menghadapi sebarang bentuk ancaman, pihak Angkatan Tentera Malaysia (ATM) memperlengkapkan anggotanya dengan latihan dan kemahiran yang secukupnya serta memperlengkapkan pelbagai aset baru serta penambahan aset sedia ada berdasarkan tiga prinsip utama iaitu kemampuan kewangan negara, pembelian aset bergantung kepada ancaman semasa dan keputusan bersama daripada pihak-pihak berkepentingan seperti Angkatan Tentera Malaysia serta industri pertahanan.

Semua perolehan yang dibuat oleh Kementerian Pertahanan, termasuk dari 1990 sehingga 2016 dibuat mengikut tatacara perolehan dan kewangan yang berkuatkuasa.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DATO' HAJI MAHFUZ  
BIN OMAR [ POKOK SENA ]**

**SOALAN :**

**YB Dato' Haji Mahfuz bin Omar [ Pokok Sena ] minta PERDANA  
MENTERI menyatakan :-**

- (a) nama dan jawatan bagi pegawai, pembantu dan kakitangan kepada isteri Perdana Menteri; dan
- (b) bidang tugas dan jumlah gaji serta elaun yang dibayar kepada setiap seorang pegawai-pegawai tersebut.

**SULIT**

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, YAB Perdana Menteri diperuntukkan pegawai dan kakitangan untuk membantu beliau dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab sebagai seorang Perdana Menteri mengikut kelayakan beliau.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR  
[ POKOK SENNA ]**

**SOALAN : 327**

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [ Pokok Sena ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan berapakah jumlah saman AES yang telah dikeluarkan sejak 27 Februari 2015 sehingga hari ini dan berapakah jumlah kutipan bayaran denda serta kompaun.

## **JAWAPAN**

Yang Berhormat,

Jumlah saman yang telah dikeluarkan mulai 27 Februari 2015 sehingga 30 September 2016 adalah sebanyak 822,982 dan jumlah kutipan bayaran kompaun dalam tempoh tersebut adalah sebanyak RM33,558,870.

## **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR**

**SOALAN : NO. 328**

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [ Pokok Sena ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan :-

- (a) berapakah jumlah pelajar asing bagi setiap IPTA dan IPTS mengikut pecahan universiti bidang yang mengikuti ijazah pertama dan lanjutan dari tahun 2015-2016; dan
- (b) berapakah bilangan pelajar luar negara yang menerima penajaan atau pembiayaan Kerajaan, Agensi Kerajaan dan GLC dari peruntukan Program MyBrain15 mengikut pecahan universiti dan bidang ijazah pertama dari tahun 2011-2016.

### **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan pelajar antarabangsa di Universiti Awam (UA) dan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) sehingga 30 Jun 2016 adalah berjumlah 125,084 orang. Pecahan mengikut peringkat pengajian adalah seramai 94,307 orang pelajar Pra Siswazah dan 30,777 orang pelajar Pasca Siswazah.
- (b) Program *MyBrain15* adalah usaha Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) untuk menyediakan peluang penajaan kepada warganegara Malaysia bagi melanjutkan pengajian di peringkat pasca siswazah di Institut Pendidikan Tinggi Awam dan Swasta di dalam negara dan ia tidak ditawarkan kepada pelajar antarabangsa.

Walau bagaimanapun, KPT ada menawarkan penajaan kepada pelajar antarabangsa untuk melanjutkan pengajian di Malaysia di peringkat Ijazah Sarjana, Ijazah Kedoktoran dan Pasca Kedoktoran bagi program seperti berikut:

- i. *Malaysia International Scholarship (MIS)*.
- ii. *Malaysian Technical And Cooperation Programme (MTCP)*.
- iii. *Commonwealth Scholarship And Fellowship Plan (CSFP)*.
- iv. *Malaysian Technical Cooperation Programme Asean (MTCP ASEAN)*.